Jurnal Syariah, Jil. 20, Bil. 2 (2012) 255-270 *Shariah Journal*, Vol. 20, No. 2 (2012) 255-270

SHAYKH 'ABDUL QADĪR BIN 'ABDUL RAḤĪM BUKIT BAYAS DAN KITABNYA *RISĀLAH FĪ BAYĀN ḤUKM AL-BAY' WA AL-RIBĀ*: SATU SOROTAN

Shaykh 'Abdul Qadīr Bin 'Abdul Raḥīm Bukit Bayas and His Book (*Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay' wa al-Ribā): A Review*

Hasanulddin Mohd[1]
Abdul Karim Ali[2]

ABSTRACT

In the past, Malay Muslims contributed by enriching the collection of writings. Among them is Shaykh 'Abdul Qadīr bin 'Abdul Raḥīm Bukit Bayas. His book, entitled Risālah Fī Bayān Ḥukm Al-Bay' Wa Al-Ribā is an essential reference, particularly in discussing Fiqh al- Mu'āmalāt. This study will attempt to highlight the author's biodata and the history of the book, how the manuscript is tracked, as well as analysing the content of his book. The data were collected from library research, documentation method and interviews. Then, they were analysed by analysis content method. The study found that Shaykh is one of the Malay scholars who played a role in delivering the Fiqh al-Mu'āmalāt in the local mould. In conclusion, the author is considered to be an influential

[1] PhD Candidate, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies,University of Malaya. hasandin@unisza.edu.my.

[2] Assoc. Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies,University of Malaya, abdkarim@um.edu.my.

scholar in Terengganu although he is not so famous. The book should be consulted in order to gain benefit therefrom.

Keywords: *Shaykh 'Abdul Qadīr bin 'Abdul Raḥīm Bukit Bayas, Kitāb Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay' wa al-Ribā, fiqh al-Mu'āmalāt.*

PENDAHULUAN

Shaykh 'Abdul Qadīr bin 'Abdul Raḥīm Bukit Bayas merupakan salah seorang ulama yang paling berpengaruh di Terengganu pada kurun ke 19. Ramai tokoh ulama yang dilahirkan di Terengganu adalah hasil didikan beliau. Mereka termasuklah Baginda Sultan Omar, Tok Ku Tuan Besar, Tok Syeikh Duyong dan lain-lain.[3] Namun begitu, biodata dan sejarah hidup beliau jarang diketengahkan. Begitu juga karya-karya yang dikarang oleh Shaykh 'Abdul Qadīr masih belum berjaya dijejaki sepenuhnya. Kemungkinan masih terdapat banyak manuskrip karangan tokoh ulama tersebut yang bertulisan tangan dan belum dikeluarkan dalam bentuk penerbitan moden.

Sehubungan dengan itu, artikel ini cuba mengetengahkan sebuah kitab karya Shaykh 'Abdul Qadīr yang masih dalam bentuk manuskrip serta membuat tinjauan tentang sejarah penulisannya, pengesanannya, dan analisis ringkas terhadap isi kandungannya. Sebelum itu, kertas ini akan cuba memaparkan biodata Shaykh 'Abdul Qadīr secara sepintas lalu untuk mendapat sedikit gambaran tentang ketokohan beliau.

BIODATA SHAYKH 'ABDUL QADĪR BIN 'ABDUL RAḤĪM BUKIT BAYAS

Nama lengkap beliau ialah Shaykh Wan 'Abdul Qadīr bin 'Abdul Raḥīm bin Wan Deraman bin Wan Bakar bin Wan Ismā'il bin Faqīh 'Alī al-Malbārī. Terdapat andaian yang menghubungkan nasab keturunan beliau dengan Rasulullah SAW, namun ia tidak dapat dipastikan kesahihannya.[4] Shaykh 'Abdul Qadīr dilahirkan di Patani pada suatu tarikh yang tidak diketahui.[5]

---

3 Wan Mohd Saghir Abdullah, *Koleksi Ulama Nusantara* (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 2 vols., 2009), 37- 40.

4 Wan Mohd Saghir Abdullah, *Data Kitāb Risālah fi Bayanī Ḥukmil Bai'i war Ribā Syeikh 'Abdul Qadir bin 'Abdur Raḥim al-Faṭanī di Bukit Bayas Terengganu* (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 1997), 18-19; Temu Bual dengan Encik Ismail Che Daud, penulis dan penyusun kitab tokoh-tokoh ulama' semenanjung, 18 September 2010.

5 Ahmad Fathy al-Fatany, *Ulama Besar Dari Patani* (Bangi : Penerbit UKM, 2002), 250.

Beliau mendapat pendidikan awal di beberapa pondok pengajian di Patani. Seterusnya, beliau menyambung pengajiannya di Makkah, di samping terdapat catatan menyebutkan bahawa beliau juga sempat menuntut ilmu di Madinah. Setelah mendalami ilmu pengetahuan di tanah suci, Shaykh ‘Abdul Qadīr pulang ke tanah air dan memilih Pulau Duyung di Terengganu sebagai persinggahan pertama.

Di dalam negeri Terengganu ini, Shaykh ‘Abdul Qadīr menyampaikan ajaran Islam menurut akidah Ahli Al-Sunnah wa al-Jamaah dan bertaklidkan mazhab Imam al-Shāfi’ī. Beliau mengajar pelbagai bidang yang merangkumi pengajian usuluddin, fiqh, tasauf dan lain-lain. Beliau juga telah membina sebuah masjid di Kampung Bukit Bayas dan mula mengasaskan institusi pengajian pondok menurut tradisi di Patani. Oleh sebab beliau banyak memusatkan kegiatan keilmuannya di Bukit Bayas, maka terkenallah namanya mulai saat itu dengan gelaran Shaykh ‘Abdul Qadīr Bukit Bayas.[6]

Terdapat beberapa karya yang cuba dinisbahkan kepada Shaykh ‘Abdul Qadīr, namun hanya satu-satunya karya beliau yang sahih yang ditemui setakat ini ialah kitab *Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay’ wa al-Ribā,* yang selesai dikarang pada tahun 1234H (1819M).[7]

Shaykh ‘Abdul Qadīr telah memberikan sumbangan yang besar kepada negeri Terengganu, khususnya dalam aspek dakwah dan keilmuan Islam. Pengaruhnya juga berkembang luas, sama ada terhadap masyarakat awam atau kerajaan negeri sendiri. Kemuncaknya ialah pada ketika dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri Terengganu oleh Baginda Sultan Omar. Dengan nasihat beliau sebagai mufti, serta ditambah pula dengan minat Sultan Omar terhadap agama, menjadikan dasar-dasar kerajaan negeri selari dengan ruh dan kehendak Islam.

Shaykh ‘Abdul Qadīr Bukit Bayas telah kembali ke rahmatullah pada tahun 1864 Masihi di Kampung Paya Bunga. Riwayat lain menyebutkan bahawa beliau meninggal dunia di Bukit Bayas.[8]

---

6 Wan Mohd Saghir Abdullah, *Koleksi Ulama Nusantara*, 21-23.

7 Wan Mohd Saghir Abdullah, *Koleksi Ulama Nusantara*, 24-26; Wan Mohd Saghir Abdullah, *Koleksi Ulama Nusantara*, 37-40. Wan Mohd Saghir Abdullah, *Koleksi Ulama Nusantara*, 23-24.

8 Ahmad Fathy al-Fatany, *Ulama Besar Dari Patani,* 250; Omar Musa, ‘Shaykh Abdul Qadir Bukit Bayas’, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan* (ed. Muhammad Abu Bakar; Kuala Lumpur : Utusan Publications dan Jawatankuasa Koleksi Terengganu, 1991), 148-150.

SEJARAH PENULISAN *KITĀB RISĀLAH FĪ BAYĀN ḤUKM AL-BAY' WA AL-RIBĀ*

Dalam mengkaji sejarah penulisan sesebuah kitab, dua perkara penting yang biasanya perlu diketahui ialah masa kitab ini dikarang dan tempatnya. Menyentuh masa ia dikarang pula melibatkan tahun permulaan kitab itu ditulis dan tahun kitab tersebut selesai ditulis. Berkenaan tahun penulisan kitab *Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay' wa al-Ribā* ini dimulakan, tiada sumber yang menyatakan hal yang demikian yang ditemui setakat ini.

Berhubung dengan tarikh kitab ini selesai dikarang, terdapat dua versi yang berjaya dikesan oleh pengkaji. Kedua-dua versi ini bersumberkan kepada kolofon yang terdapat pada naskhah-naskhah manuskrip yang telah ditemui. Pertamanya, catatan pada halaman akhir di dalam sebuah naskah kitab ini menyatakan :

والله الهادي إلى سبيل الرشاد تمت الرسالة بعون الله المنان

> *"Pada hari Isnin pada waktu dhuha yang kedelapan hari daripada bulan Rabi' al-Awwal pada hijrah nabi SAW seribu dua ratus tiga puluh empat tahun".*

بيد الفقير الحقير المعترف بالذنوب والتقاصر عبد القادر ابن عبد الرحيم ترغكانو غفر الله له ولوالديه ولجميع المسلمين والمسلمات والمؤمنين والمؤمنات برحمتك يا أرحم الراحمين. وصلى الله على خير خلقه محمد وآله وصحبه وسلم تسليما كثيرا والحمد لله رب العالمين. [9]

Dalam naskhah ini, penyalin dengan jelas menyatakan bahawa pengarang telah selesai daripada mengarang kitab *Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay' wa al-Ribā* pada waktu dhuha (pagi), hari Isnin, tanggal 8 haribulan Rabi' al-Awwal tahun 1234 Hijriyyah. Tarikh ini apabila dipadankan dengan kalendar Miladiyyah atau Masihi, ia akan bersamaan dengan 5 Januari 1819.[10] Versi ini boleh didapati dalam naskhah-naskhah yang bernombor MSS 2276, MSS 2397 di Pusat Manuskrip Melayu, dan IIAMM 98.1.128 di Muzium Kesenian Islam Malaysia, Kuala Lumpur.

Keduanya, dalam catatan lain yang terdapat dalam manuskrip bernombor MSS 2575 pula mencatatkan bahawa penulisan kitab ini telah disempurnakan

---

9 Pusat Manuskrip Melayu, *Naskhah MSS 2397* (Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia), 76; Pusat Manuskrip Melayu, *Naskhah MSS 2276* (Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia), 33.

10 http://www.falak.unisza.edu.my/calc/tarikh.php?name=tarikh, 28 April 2011.

pada hari Sabtu, waktu tengah hari, 18 Syaaban.[11] Namun demikian, tidak pula dinyatakan tahun penulisan buku tersebut telah diselesaikan, sama ada tahun yang sama seperti catatan yang pertama atau sebaliknya.[12] Hal ini menimbulkan kerumitan untuk mengenal pasti bilakah masa yang tepat kitab ini ditulis. Justeru, jika dibuat perbandingan dan seterusnya pentarjihan, maka catatan yang pertama sebelum ini adalah lebih wajar dan lebih hampir untuk diterima berdasarkan maklumatnya yang lebih lengkap dan jelas. Tambahan pula, versi yang kedua jelas bersendirian tanpa disokong oleh naskhah-naskhah yang lain.

Menyentuh tempat kitab ini dikarang, sama seperti masa penulisannya, tiada catatan yang menceritakan tentang di mana bermula penulisan kitab ini. Begitu juga, tiada catatan yang jelas menyatakan tempat kitab ini diselesaikan penulisannya. Namun demikian, disebut dalam kebanyakan naskhah manuskrip kitab bahawa hanya nama pengarangnya sahaja dinyatakan, iaitu Shaykh ‘Abd al-Qadir bin ‘Abd al-Rahim. Menariknya, bersama-sama catatan ini dinyatakan negeri Terengganu selepas nama beliau. Catatan ini membawa dua andaian. Pertamanya negeri Terengganu itu dinisbahkan kepada beliau atas sebab asal-usul beliau dari negeri Terengganu. Andaian ini tertolak kerana semua catatan yang menyebutkan tentang riwayat hidup beliau sepakat menyatakan bahawa Shaykh berasal dari negeri Patani. Manakala andaian kedua ialah ketika kitab ini telah diselesaikan, Shaykh telah pun berhijrah dan menetap di negeri Terengganu. Maka, andaian yang kedua ini menunjukkan bahawa kitab ini juga telah diselesaikan di negeri Terengganu, berbanding Patani negeri kelahirannya atau tempat-tempat yang lain.

Kesimpulannya, terdapat dua tarikh yang dihubung kait dengan tarikh kitab *Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay’ wa al-Ribā* selesai dikarang. Tarikh yang pertama iaitu waktu dhuha, hari Isnin, 8 Rabi‘ al-Awwal 1234 Hijriyyah, bersamaan dengan 4 Januari 1819 Masihi. [13] Tarikh yang kedua pula ialah hari

---

[11] Pusat Manuskrip Melayu, *Naskhah MSS 2575* (Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia), 31 & 62; *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*, *Tambahan Pertama* (Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 2001), 117.

[12] Jika diandaikan tahun yang sama seperti catatan yang pertama, iaitu tahun 1234 Hijriyyah, maka tarikh tersebut jatuh pada hari Sabtu, 18 Syaaban 1234 Hijriyyah yang bersamaan dengan 12 Jun 1819.

[13] Hitungan menggunakan kaedah urfi atau istilahi Hijri ke Masihi ,memberikan persamaan tarikh hari Selasa 4 Januari 1819. etapi ,apabila menggunakan hitungan Masehi ke Hijri memberikan Hari Isnin 7 Rabi ‘al-Awwal 1234. Ini adalah ralat hitungan Hijri ke Masehi .Apabila kita menggunakan hitungan Imkanurrukyah asas Istanbul 1978, ia juga memberikan tarikh sama, iaitu Isnin 4 Januari 1819 adalah 7 Rabi ‘al-Awwal 1234. Pada pendapat pengkaji, hari Isnin itu adalah tepat.

Sabtu, waktu tengah hari, 18 Syaaban tanpa dinyatakan tahun. Justeru, tarikh yang pertama lebih sesuai dipilih kerana ia lebih lengkap dan terakom dalam kebanyakan naskhah. Sementara Terengganu menjadi tempat diselesaikan penulisan kitab ini berdasarkan indikasi yang kuat daripada kandungan kitab beliau ini sendiri.

PENGESANAN *KITĀB RISĀLAH FĪ BAYĀN ḤUKM AL-BAY' WA AL-RIBĀ*

Menurut Haji Wan Mohd Saghir Abdullah (1997), *Kitāb Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay' wa al-Ribā* boleh diklasifikasikan sebagai koleksi yang sangat nadir memandangkan kecilnya jumlah naskhah yang berjaya ditemui setakat ini. Rentetan itu, penulis berusaha menjejaki tempat kewujudan naskhah-naskhah kitab ini sama ada yang bercetak mahupun yang masih lagi bertulisan tangan. Usaha ini amat penting dan kritikal memandangkan kejayaan mengkaji dan menganalisa kitab *Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay' wa al-Ribā* amat bergantung kepada keberhasilan mendapatkan naskhah-naskhahnya dalam keadaan yang masih baik. Berhubung dengan naskhah kitab ini yang bercetak, penulis tidak dapat mengesan kewujudannya melainkan salinan manuskrip yang dilampirkan oleh Haji Wan Saghir ketika membentangkan data tentang *Kitāb Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay' wa al-Ribā*. [14]

Mungkin perbincangan pada 8 atau 7 Rabi 'al-Awwal 1234. 8 Rabi 'al-Awwal adalah betul, kerana itu adalah zaman penulisnya. Status 7 Rabi 'al-Awwal adalah kerana hitungan menggunakan kaedah yang mungkin tidak sama dengan kaedah takwim yang digunakan oleh pengarang. Melainkan pengarang turut menghuraikan asal usul penggunaan tarikh oleh beliau. Justeru, tarikh yang sepadan dan munasabah untuk digunakan adalah 8 Rabi 'al-Awwal 1234 bersamaan hari Isnin 4Januari 1819. Temu Bual dengan Encik Ahmad Taufan Abdul Rashid, Penolong Pegawai di Unit Falak, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak 3 Mei 2011, http://www.falak.udm.edu.my/calc/?name=tarikh, 4 Mei 2011.

[14] Setelah diteliti dan dibuat perbandingan dengan naskhah-naskhah yang terdapat di Pusat Manuskrip Melayu, didapati bahawa salinan fotokopi yang terdapat di dalam kitab Haji Wan Mohd Saghir 'Abdullah tersebut adalah diambil daripada naskhah yang bernombor MSS 2276. dapat difahami bahawa beliau telah memfotokopi manuskrip tersebut sebelum menyerahkannya kepada Pusat Manuskrip Melayu. Lihat : *Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay' wa al-Ribā* bernombor MSS 2276; Pusat Manuskrip Melayu, *Naskhah MSS 2276* (Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia); Wan Mohd Saghir Abdullah, *Data Kitāb Risālah fī Bayanī Ḥukmil Bai'i wa Ribā Syeikh 'Abdul Qadir bin 'Abdur Raḥīm al-Faṭanī di Bukit Bayas Terengganu*, 1-66; Temu Bual dengan Encik Faizal Hilmi bin Yusof, Penolong Pengarah, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, 17 Mac 2010.

Manakala maklumat tentang tempat kewujudan manuskrip bertulisan tangan kitab ini, penulis telah memperolehinya melalui rujukan kepada katalog-katalog yang disediakan oleh Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan Muzium Kesenian Islam Malaysia, Kuala Lumpur. Setelah melakukan semakan dan rujukan terhadap sumber-sumber yang berkaitan sama ada di dalam atau luar negara, penulis hanya dapat mengesan kewujudan 6 buah manuskrip kitab tersebut sahaja yang terdapat setakat ini. 4 buah daripadanya tersimpan di Pusat Manuskrip Melayu, manakala yang selebihnya adalah diperolehi daripada Muzium Kesenian Islam Malaysia.

Deskripsi naskhah-naskhah ini adalah seperti berikut :

1. MSS 2397

Naskhah ini mempunyai 88 helaian (folio) atau 176 halaman, berukuran 20 x 15.9cm, 15 baris pada setiap halaman. Ditulis atas kertas anyaman Inggeris berwarna putih kekuningan. Terdapat lubang-lubang kecil dan bertompokan kesan terkena air pada sebahagian halaman, namun masih dalam keadaan baik. Terdapat sejenis tera air pada kertas yang digunakan iaitu C.WILMOTT 1815. Dakwat yang digunakan berwarna hitam pekat. Rubrikasi digunakan pada perkataan bahasa Melayu yang tertentu dan ayat berbahasa Arab termasuk firman Allah SWT dan sabda Nabi SAW. Tulisan kemas, bergaya dan besar. Lapan kuras yang dijahit tanpa kulit. Pada kolofon naskhah ini tidak tercatat nama penyalinnya. Tetapi berkemungkinan ia disalin oleh anak Wan Abdul Rahim, yang dicatat sebagai pemilik naskhah. Ia selesai disalin pada waktu dhuha, hari Isnin, 8 Rabiul Awal tahun 1234 Hijrah. [15]

2. MSS 2575

Naskhah ini mempunyai 31 helaian atau 62 halaman, berukuran 23 x 16.5 cm, 25 baris pada setiap halaman. Ditulis atas kertas laid Itali berwarna putih kekuningan. Terdapat tompokan pada kesemua halaman dan bercarikan di beberapa halaman akhir kesan terkena air. Terdapat dua jenis tera air pada kertas yang digunakan ; i) 3 bulan sabit berprofil manusia sederet dengan saiznya mengecil, ii) AG. Dakwat yang digunakan berwarna hitam. Rubrikasi digunakan pada perkataan bahasa Melayu yang tertentu dan ayat berbahasa Arab termasuk firman Allah SWT dan sabda Nabi SAW. Tulisan kemas, menarik dan konsisten. Tidak berjilid dalam 2 kuras. Pada kolofon naskhah

[15] *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2000), 107.

ini tercatat nama penyalinnya iaitu Haji Mahmud bin Muhammad Yusuf. Ia diselesaikan pada 19 Zulhijjah[16] 1236 Hijrah. [17]

3. MSS 2276

Naskhah ini mempunyai 33 helaian (folio) atau 66 halaman, berukuran 21.8 x 16 cm, 19-23 baris pada setiap halaman. Ditulis atas kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan. Terdapat lubang-lubang kecil dan bertompokan kesan terkena air pada sebahagian halaman, namun masih dalam keadaan baik. Terdapat sejenis tera air pada kertas yang digunakan iaitu 3 bulan sabit berprofil manusia sederet dengan saiznya mengecil. Dakwat yang digunakan berwarna hitam. Rubrikasi digunakan pada perkataan bahasa Melayu yang tertentu dan ayat berbahasa Arab termasuk firman Allah SWT dan sabda Nabi SAW. Tulisan kemas dan mudah dibaca. Berjilid dan kulitnya dibuat daripada kain berwarna hitam coklat, namun sebahagian kuras telah berceraian. Pada kolofon naskhah ini tercatat nama penyalinnya iaitu Haji Mahmud bin Muhammad Yusuf dan selesai disalin pada hari Isnin, antara Zuhur dan Asar, 19 Zuhijjah tahun 1236 hijrah di Negeri Terengganu. Naskhah ini dikategorikan sebagai tidak lengkap. [18]

4. MSS 2807

Naskhah ini mempunyai 23 helaian (folio) atau 46 halaman, berukuran 25.7 x 18cm, 25 baris pada setiap halaman. Ditulis atas kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan. Terdapat lubang-lubang kecil pada kesemua halaman dan bercarikan di bahagian tepi kertas yang lembap kesan terkena air. Terdapat dua jenis tera air pada kertas yang digunakan iaitu ; i) bulan sabit berprofil manusia di dalam perisai. ii) dua kepala burung, mahkota di atas, perisai di tengah, pedang di sisi kiri dan kanan. Dakwat yang digunakan berwarna coklat dan hitam. Rubrikasi digunakan pada perkataan bahasa Melayu yang tertentu dan ayat berbahasa Arab. Tulisan kemas dan konsisten. Tidak berjilid dan dua kuras telah berceraian. Naskhah ini juga dikategorikan sebagai tidak lengkap.[19]

---

16 Maklumat hari tidak dinyatakan secara lengkap dalam naskhah ini .Begitu juga dengan tarikh penyalinan yang dinyatakan menunjukkan persamaan dengan naskhah MSS 2276. Hal ini memerlukan kajian dan penelitian yang lebih lanjut dan mendalam. Temu Bual dengan Encik Faizal Hilmi bin Yusof, Penolong Pengarah, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia 17 Mac 2010.

17 *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Pertama* (Kuala Lumpur Perpustakaan Negara Malaysia, 2001), 117.

18 *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2000), 27.

19 *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Kedua* (Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 2002), 135-136.

Adapun naskhah-naskhah yang berpunca daripada Muzium Kesenian Islam Malaysia, maka dinyatakan deskripsinya seperti berikut :

1. Naskhah 1 : Dikelaskan di bawah nombor siri IAMM 1998.1.128. Dinyatakan kedua-dua judulnya iaitu *Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay’ wa al-Ribā* dan *al-Targhīb wa al-Tarhib lī al-Bay‘ wa al-Shira*. Dikarang oleh Shaykh ‘Abd al-Qadir bin ‘Abd al-Rahim Terengganu al-Fatani. Disempurnakan penulisannya pada 28 Rabi‘ al-Awwal 1234 Hijrah, bersamaan dengan 25 Januari 1819. Disalin oleh Abū Bakr ibn Muḥammad Jamal pada hari Isnin bertarikh 9 Rabi‘ al-Awwal 1301 Hijrah, bersamaan 8 Januari 1884 di negeri Jarin, Kampung Pauh Manis. Mengandungi 43-56 halaman bercetak. Berukuran 25 x 17.3cm. ditulis dalam Bahasa Melayu. Naskhah ini dikategorikan sebagai tidak lengkap.
2. Naskhah 2 : Dikelaskan di bawah nombor siri IAMM 1998.1.1937 dalam kategori Pengajian Agama. Naskhah bertulis tangan dalam Bahasa Melayu. Tidak dinyatakan judulnya tetapi dinyatakan pengarangnya iaitu Shaykh ‘Abd al-Qadir bin ‘Abd al-Rahim. Hanya dinyatakan tahun penulisannya iaitu pada 1234 Hijrah, bersamaan dengan 1819 Masihi. Ditulis dengan khat Naskh yang berwarna hitam dengan rubrikasi pada kalimah-kalimah tertentu. Mengandungi 24 baris bagi setaip folio serta 70 halaman bercetak. Setiap baris mengandungi 15 perkataan. Naskhah berkeadaan uzur dan kotor, mempunyai banyak lubang di kertasnya. Tiada gambar atau ilustrasi disertakan. Folionya berukuran 23 x 16.5cm, manakala teksnya berukuran 15.5 x 9.5 cm. Ia merupakan sebuah manuskrip fiqh yang berkaitan dengan urusniaga Islam dan korupsi, yang disokong dengan dalil-dalil daripada al-Qur’an dan hadith nabi. Tidak dinyatakan sama ada naskhah ini dikategorikan sebagai lengkap atau sebaliknya. [20]

ANALISA RINGKAS TERHADAP *KITĀB RISĀLAH FĪ BAYĀN HUKM AL-BAY’ WA AL-RIBĀ*

Kitāb Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay’ wa al-Ribā memiliki ciri-ciri yang tersendiri dari sudut persembahan dan isi kandungannya. Justeru, analisa ringkas ini akan cuba mengutarakan beberapa kekuatan kitab, di samping sedikit kritikan dalam persembahan yang dibawa oleh beliau secara umum.

[20] Assim Zuhair Mahmoud Qisho *et al*., *Handlists of Malay Manuscripts in the Islamic Arts Museum Malaysia-Jakim Collection* (Kuala Lumpur, 1 vols., 2010) 33-34.; Temu Bual dengan Cik Nurul Iman binti Rusli, Kurator di bahagian Kuratorial Islamic Art Museum Malaysia, 16 Mac 2011.

Kekuatan Kitab

Pertamanya, kekuatan kitab ini dapat dilihat apabila pengarang menggunakan metod pendalilan yang selaras dengan perundangan Islam. Beliau dilihat komited untuk memastikan bahawa penulisannya ini bertepatan dengan kehendak al-Quran dan hadith. Hal ini dibuktikan dengan janjinya bahawa kitabnya ini akan dilengkapi dengan dalil-dalil daripada al-Quran dan hadith dalam perbahasan hukum yang akan dikemukakan.

Berikut ialah nasnya :

> *"Dan adapun kemudian daripada itu, maka inilah suatu risalah pada menyatakan hukum jual beli dan menyatakan pula hukum riba serta ditambahi sedikit daripada dalil dan hadith pada menyatakan syeksa dan azab atas tiap-tiap orang yang memakan riba dan orang yang mengurangkan sukatan dan timbangan dan orang yang mezalim akan arta manusia supaya beroleh manfaat dengan dia oleh tiap-tiap orang yang membaca akan dia daripada segala orang yang berjual beli laki-laki dan perempuan kecil dan besar, muda dan tuha."* [21]

Keduanya, beliau menggunakan rujukan-rujukan yang terpilih dan berautoriti dalam menyiapkan penulisannya. Rujukan-rujukan ini dikira selari dengan metod penulisan dalam mazhab al-Shāfi'ī secara khususnya dan metod penulisan dalam Islam secara umumnya. Jenis-jenis rujukan boleh dibahagikan kepada beberapa jenis; rujukan fiqh, rujukan hadith dan rujukan umum. Contoh-contoh bagi rujukan fiqh termasuklah *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* dan *al-Wajīz fī al-Furū'* oleh al-Ghazālī, serta *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāẓ al-Minhāj* oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī. Rujukan-rujukan hadith pula seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslīm*, *Sunan Abū Dāwūd*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan Ibn Mājah, Musnad Aḥmad, Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān, Sunan al-Bayhāqī, Sunan al-Darīmī* dan *al-Mu'jam al-Kabīr*. Manakala rujukan-rujukan lain termasuklah *al-Zawājīr 'an Iqtiraf al-Kabāir* oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī dan *Irshād al-'Ibad Ilā Sabīl al-Rashād* oleh Zayn al-Dīn ibn 'Abd al-'Azīz ibn Zayn al-Dīn al-Malibarī. [22]

Seterusnya, daripada sudut pandangan pengarang, Shaykh 'Abdul Qadīr juga bersikap kritikal ketika membawakan pemikiran beliau terhadap beberapa permasalahan hukum jual beli dalam kerangka konteks semasa ketika itu. Contohnya, ketika menyebut tentang pengharaman berjual beli buku-buku syair yang ada pada masa itu, pengarang menyatakan :

---

[21] Naskhah MSS 2276, 1; Naskhah MSS 2397, 1 dan Naskhah MSS 2575, 1.

[22] Naskhah MSS 2276, 1-30; Naskhah MSS 2397, 1-76 dan Naskhah MSS 2575, 1-30.

> *"Dan demikian lagi tiada sah dijual segala kitab orang kafir dan kitab nujum dan falsafah dan segala hikayat yang dusta seperti Hikayat Seri Rama dan Serat Jawa dan Syair Kentabunan dan barang sebagainya daripada syair dan hikayat yang tiada memberi manfaat. Dan demikian lagi haramlah membaca segala yang tersebut ini laki-laki dan perempuan. Dan lagi larilah segala malaikat sebab busuk bau yang keluar daripada mulut orang yang membaca akan segala hikayat dan syair yang tersebut itu. Maka sayugianya atas orang yang mukmin menakuti akan orang yang membaca akan dia."* [23]

Contoh yang lain boleh dilihat dalam isu pengurangan timbangan dan sukatan. Pengarang dilihat keluar dari kepompong perbahasan yang biasa dengan mendatangkan contoh jual beli kain. Beliau menyatakan :

> *"Dan setengah daripada yang diharamkan oleh syara' itu barang yang diadatkan akan dia oleh sefasik-fasik orang yang berniaga dan orang yang berjual kain pada menghastakan bagi kain dan barang sebagainya daripada menuntut bersungguh-sungguh menarikkan akan dia ketika berjual ia dan mengeluarkan akan dia pada ketika membeli. Maka adalah sekalian orang yang mengerjakan seperti itu masuklah mereka itu di dalam janji seksa yang amat sangat pada hari kiamat."*[24]

Kenyataan-kenyataan ini jelas menidakkan pandangan sesetengah pihak yang mengandaikan bahawa para ulama tempatan bersifat ortodoks dan jumud,[25] tanpa menggunakan pandangan dan pemikiran yang berpandukan kepada nas serta berasaskan metodologi pendalilan yang sesuai seperti penggunaan uruf setempat dan sebagainya. Hal ini tidaklah benar kerana telah menjadi dasar pembinaan hukum di kalangan para ulama' dengan mengambil kira perubahan nilai masyarakat akibat daripada perubahan masa dan tempat.[26]

Daripada sudut yang lain, meskipun pengarang komited dengan mazhab Imam al-Shāfi'ī yang dipegangnya, beliau masih memberikan ruang kepada

---

23 Naskhah MSS 2276, 8; Naskhah MSS 2397, 17 dan Naskhah MSS 2575, 7.

24 Naskhah MSS 2276, 24; Naskhah MSS 2397, 54 dan Naskhah MSS 2575, 22.

25 Mohd Bakhir Abdullah, 'Sumbangan Kitab-kitab Jawi dalam Pembangunan Insan di Nusantara', *Jurnal Yadim,* 9 (2007), 33.

26 Abdul Karim Ali, 'Pengambilkiraan Nilai Semasa dan Setempat Dalam Menentukan Hukum : Konsep, Pendekatan dan Batas', *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun* (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001), 56; Mohd Saleh Haji Ahmad, Risalah Ahkam (Selangor : Intel Multimedia and Publication, 2005) , 183-185; Muhammad Firdaus Nurul Huda, *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam* (Selangor : Thinker's Library, 2002), 112-115.

pandangan-pandangan lain, hatta daripada luar mazhab sekalipun. Ini jelas menunjukkan keterbukaan pengarang dalam meraikan kepelbagaian pendapat. Contoh yang dapat diambil ialah ketika membahaskan hukum jual beli secara unjuk-mengunjuk. Setelah mendatangkan hukum pengharaman jual beli ini beserta hujah-hujah yang agak keras, beliau menyatakan :

> *"Dan kata setengah ulama seperti Ibn Surayj dan Ruyānī : Ditentukan harus jual beli dengan berberi-berian itu pada jual yang sedikit. Dan iaitu barang yang diadatkan orang berberi-berian padanya seperti seratlu gandum dan satu ikat daripada sayur-sayuran dan sekemping roti. Dan kata setengah ulama mengikut uruf negeri yang dikatakan sedikit, maka sah. Dan jika dikatakan banyak, tiada sah."* [27]

Seterusnya, beliau memetik pandangan daripada luar mazhab :

> *"Adapun yang hasilnya jual beli ini, manakala tiada dilaku antara yang menjual dan yang membeli itu melainkan berberi-berian dengan perbuatan jua, tiada dengan dilafazkan dengan lidah, nescaya tiada sah jualnya dan belinya itu sekali-kali pada mazhab Imam kita Shāfi'ī raḍiy Allāh 'anh. Dan sah pada mazhab Imam Hanafī raḍiy Allāh 'anh jika ada pada suatu yang hayyin lagi sedikit harganya seperti membeli sayur-sayuran dan sedikit daripada buah-buahan dan roti dan daging."* [28]

Selain itu, pengarang dilihat mampu mengharmonikan contoh-contoh yang bersifat tempatan dengan permasalahan hukum yang dibawa. Ini dapat dilihat melalui penggunaan contoh yang dekat di hati masyarakat, seperti yang disebut oleh pengarang:

> *"Dan tiada sah berjual kelapa dengan kulitnya yang di atas. Maka barangsiapa hendak membeli kelapa, maka hendaklah dikupas kulitnya dahulu, kemudian maka diakadkan jual belinya. Dan dimaafkan kulitnya yang di bawah iaitu tempurungnya seperti kulit buah delima dan kulit berangan dan kulit durian dan kulit timun. Maka sah jual belinya dengan dilihat luarnya jua, karena sekalian kulit yang tersebut ini memeliharakan bagi isinya."* [29]

Hal ini juga mampu menjawab tohmahan bahawa sesungguhnya ulama' Melayu hanya mampu menterjemah kitab-kitab ulama' dari Timur Tengah. Ini

---

27 Naskhah MSS 2276, 6; Naskhah MSS 2397, 11 dan Naskhah MSS 2575, 5.

28 Naskhah MSS 2276, 6; Naskhah MSS 2397, 13 dan Naskhah MSS 2575, 5.

29 Naskhah MSS 2276, 10; Naskhah MSS 2397, 20 dan Naskhah MSS 2575, 8.

memandangkan buah kelapa bukanlah sejenis buah yang biasa atau terkenal di kalangan mereka.

Satu lagi kekuatan kitab ini ialah kemampuan pengarangnya menggabungkan teori-teori dan hukum-hukum fiqh dengan unsur-unsur tasawuf dan akhlak. Ini menjadikan pendekatan hukum yang digunakan lebih berkesan dan lebih mudah meresap ke hati. Sebagai contohnya, pengarang mengaitkan pengambilan riba oleh seseorang yang jahil lagi jauh daripada Allah dengan katanya :

> *“Dan telah melebihkan oleh setengah ulama riba al-Qarḍ namanya, iaitu dihutangkan harta dengan syarat menghasilkan sesuatu manfaat bagi orang yang memberi hutang. Inilah yang masyhur pada manusia sekarang ini dan banyaklah jatuh yang demikian itu atas tiap-tiap orang yang tiada dekat akan Allah Subhanu wa Taala lagi jahil ia akan hukumnya.”* [30]

Ini bermaksud seorang yang jauh daripada Allah lebih mudah terjebak dengan amalan riba yang jelas diharamkan oleh Islam. Hal ini mengingatkan akan kepentingan mendekatkan diri kepada Allah, yang sememangnya dianjurkan dalam ilmu tasawuf.

Kritikan terhadap Kitab

Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa kritikan yang dirasakan wajar dilontarkan tanpa cuba mempertikaikan kredibiliti pengarang. Antaranya ialah pemilihan topik yang dikemukakan dalam mengisi ruangan fiqh al-Mu’āmalāt. Pengarang hanya mendatangkan bab jual beli, riba, *al-iḥtikār* dan *al-muḍārabah* yang merupakan topik yang sinonim dengan fiqh al-Mu’āmalāt, sementara tajuk-tajuk yang lain dipersembahkan dengan cara yang agak umum. Ia dilihat lebih menjurus kepada perbicaraan tentang adab dan etika dalam bermuamalat atau lainnya. Ini menyebabkan kitab ini tidak boleh dianggap mewakili keseluruhan atau sebahagian besar topik-topik penting dalam muamalat Islam. Kemungkinan hal ini berlaku disebabkan tumpuan utama pengarang kepada aktiviti perniagaan yang lebih dominan di kalangan masyarakat ketika itu berbanding kegiatan-kegiatan ekonomi yang lain.

Menyentuh penulisan topik-topik tersebut secara khusus, pengarang didapati tidak mengikut metodologi penulisan ulama’-ulama’ fiqh yang biasa ketika membicarakan tentang bab al-mu’āmalāt. Sebagai contohnya, pengarang memasukkan topik-topik seperti hukum menipudaya dalam jual beli, hukum bertolak ansur dalam jual beli, kepentingan mengelakkan perkara-perkara yang

[30] Naskhah MSS 2276, 14; Naskhah MSS 2397, 27 dan Naskhah MSS 2575, 11.

membinasakan ketika berjual beli, hukum mengurangkan sukatan, dan hukum orang yang zalim. Tajuk-tajuk ini bukanlah tajuk yang biasa dinyatakan oleh para ulama' dalam fiqh al-Mu'āmalāt, melainkan penulisan al-Ghazālī dalam kitab Iḥyā' beliau. Atau berkemungkinan juga ia adalah ijtihad pengarang sendiri dalam mempersembahkan kitab beliau ini.

Dari sudut yang lain, sebahagian isi kandungan kitab ini tidak mempunyai rujukan yang spesifik seperti kenyataan pengarang : "*Dan dihikayatkan orang…*" dan "*Dan kata setengah 'ulama'…*".[31] Begitu juga, sebahagian fakta yang terkandung di dalamnya tidak tepat seperti penambahan lafaz-lafaz tertentu pada ayat-ayat al-Quran[32] dan boleh diragui akan kesahihannya seperti status hadith yang dijadikan sebagai sandaran hukum.[33] Jika dinyatakan rujukan seperti nama-nama ulama, kitab, tempat dan sebagainya, sebahagiannya merupakan fakta yang terasing pada fikiran pembacanya yang memerlukan penelitian yang lanjut untuk dipastikan kewujudan dan kesahihannya.[34] Ini menyebabkan ia boleh menjadi kekangan bagi generasi umat Islam yang hidup pada zaman ini, khususnya golongan cendekiawan dan pelajar untuk memahami isi kandungan kitab tersebut.

Walau bagaimanapun, kritikan-kritikan yang disebutkan tidaklah sehingga mencacatkan kitab ini serta kekuatan-kekuatan yang telah dinyatakan sebelum ini. Kesilapan-kesilapan yang berlaku barangkali juga disebabkan ketika proses penyalinan, sementara sebahagian maklumat yang dinyatakan juga berkemungkinan sesuai pada zaman tersebut, tidak pada zaman ini.

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Berdasarkan pembentangan dan analisis yang dibuat, Shaykh 'Abdul Qadīr merupakan seorang tokoh ulama' yang bergiat secara langsung dalam menyebarkan ilmu Islam di kalangan masyarakat, khasnya dalam fiqh al-Mu'āmalāt. Buah pemikiran beliau dalam kitab ini sememangnya menarik

---

31 Naskhah MSS 2276, 15; Naskhah MSS 2397, 30 dan Naskhah MSS 2575, 12.

32 Naskhah MSS 2276, 11; Naskhah MSS 2397, 21 dan Naskhah MSS 2575, 8.

33 Naskhah MSS 2276, 20; Naskhah MSS 2397, 41 dan Naskhah MSS 2575, 17; Temu Bual dengan Ustaz Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri, calon PhD, Jabatan al-Qur'an dan Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 11 Februari 2010.

34 Contohnya nama kitab *Mishkat al-Taqwa*, *Hikayat Seri Rama dan Serat Jawa dan Syair Kentabunan,* nama periwayat *Shaqiq al-Balkhī*, dan nama tokoh *Sirriy al-Saqty* seperti yang dinyatakan oleh pengarang. Rujuk Naskhah MSS 2276, helaian 8, Naskhah MSS 2397, helaian 17 dan Naskhah MSS 2575, helaian 7.

untuk dicernakan dalam konteks muamalat moden. Sungguhpun beliau dianggap sebagai salah seorang tokoh ulama’ yang berpengaruh di Terengganu, nama beliau kurang dikenali dan jarang menjadi sebutan. Maka, dicadangkan agar riwayat hidup pengarang serta kitabnya *Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay’ wa al-Ribā* ini terus dibuat kajian yang lebih lanjut agar dapat dimurnikan lagi manfaat yang boleh diperolehi daripadanya.

Dalam sorotan ringkas ini juga, terdapat banyak kekuatan pada kitab ini yang boleh dikongsi bersama, di samping tidak menafikan beberapa kritikan yang pastinya tidak terlepas daripada seorang manusia biasa. Justeru, penulis juga ingin mencadangkan agar pengajian kitab ini di peringkat institusi akademik mahupun masyarakat awam seharusnya diperkenalkan sebagai satu kajian teks nusantara.

RUJUKAN

Abdul Karim Ali, ‘Pengambilkiraan Nilai Semasa dan Setempat Dalam Menentukan Hukum: Konsep, Pendekatan dan Batas’, *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001).

Ahmad Fathy al-Fatany, *Ulama Besar Dari Patani* (Bangi: Penerbit UKM, 2002).

Assim Zuhair Mahmoud Qisho *et al*., *Handlists of Malay Manuscripts in the Islamic Arts Museum Malaysia-Jakim Collection* (Kuala Lumpur, 1 vols., 2010).

Farid Mat Zain, *et al.*, *Nadwah Ulama Nusantara 3* (Bangi: Penerbit UKM, 2006).

IAMM 1998.1.128 : Shaykh ‘Abdul Qadīr bin ‘Abdul Raḥīm, *Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay’ wa al-Ribā,* Perpustakaan Muzium Kesenian Islam Malaysia, Kuala Lumpur.

IAMM 1998.1.1937: Shaykh ‘Abdul Qadīr bin ‘Abdul Raḥīm, *Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay’ wa al-Ribā,* Perpustakaan Muzium Kesenian Islam Malaysia, Kuala Lumpur.

MSS2276, MSS2397, MSS2575, MSS2807 : Shaykh ‘Abdul Qadīr bin ‘Abdul Raḥīm, *Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay’ wa al-Ribā,* Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia.

Mohd Bakhir Abdullah, ‘Sumbangan Kitab-kitab Jawi dalam Pembangunan Insan di Nusantara’, *Jurnal Yadim,* 9, (2007).

Mohd Saleh Ahmad, *Risalah Ahkam* (Selangor: Intel Multimedia and

Publication, 2005).

Muhammad Firdaus Nurul Huda, *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam* (Selangor: Thinker's Library, 2002).

Omar Musa, 'Shaykh 'Abdul Qadīr Bukit Bayas', *Ulama Terengganu Suatu Sorotan* (ed. Muhammad Abu Bakar; Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Jawatankuasa Koleksi Terengganu, 1991).

Perpustakaan Negara Malaysia, *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2000).

Perpustakaan Negara Malaysia, *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Pertama* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2001).

Perpustakaan Negara Malaysia, *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Kedua* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2002).

Wan Mohd Saghir Abdullah, *Data Kitāb Risālah fi Bayānī Hukmil Bai'i wa Ribā Syeikh 'Abdul Qadīr bin 'Abdur Raḥīm al-Faṭanī di Bukit Bayas Terengganu* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1997).

Wan Mohd Saghir Abdullah, *Koleksi Ulama Nusantara* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2 vols., 2009).

Wan Mohd Saghir Abdullah, *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2000).

Wan Mohd Saghir Abdullah, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1 vols., 2000).

Temu Bual

Temu Bual bersama Encik Faizal Hilmi bin Yusof, Penolong Pengarah, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, 17 Mac 2010.

Temu Bual bersama Encik Ismail Che Daud, Penulis dan penyusun kitab tokoh-tokoh ulama' semenanjung, 18 September 2010.

Temu Bual bersama Ustaz Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri, Calon PhD, Jabatan al-Qur'an dan Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 11 Februari 2010.